

**TALKING POINT**  
**BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSELOR**  
**UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**  
**SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN**  
**PADA 3 JUN 2010**  
**DI MULTIPURPOSE COURT KUBANG GAJAH**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam  
Satu Malaysia

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan  
Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Sazali Yaacob, Timbalan Naib  
Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Yang Berusaha Tuan Haji Rusli Abdul Hamid, Pendaftar  
UniMAP,

Yang Berusaha Puan Saodah Hassan, Bendahari UniMAP,

Yang Berusaha Puan Mazmin Mat Akhir, Pustakawan Kanan,

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan, serta kakitangan Universiti Malaysia Perlis yang dikasihi sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao, Magandang umaga (Tagalog), ahroonsawad (Bahasa Thai).

**Talking Point;**

- Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan keizinanNya kita masih dipanjangkan usia serta diberi nikmat kesihatan yang baik sehingga diberi peluang untuk bersama-sama berkumpul dalam majlis senamrobik pada pagi ini.

Ladies and Gentlemen,

- Knowingly or not now we are through routes, routes in June and it indicates almost half of the year 2010 we have experienced. I believe the plan has been implemented very well planned and successfully to ensure UniMAP ever forward in creating any kind of success for the year 2010.

- Whatever memories or history is inscribed, Nay, we remain careless and negligent, but there is still half way to make sure we have through in 2010 became one of the best moments for yourself, your family or organization that we love this. In other words, targets or goals we can end our fortune for the remaining six months to come. In the spirit of the present world situation and our efforts should be accurate. Indeed, with a strong effort and spirit will lead us to achieve the targets and goals we have set in the early years.

Hadirin sekalian,

- Sebagai penjawat awam lebih banyak usaha yang perlu dilaburkan untuk melonjakkan nama UniMAP di peringkat antarabangsa dengan membawa satu organisasi yang "segar" dan "berani" sama ada melalui proses penjenamaan semula atau pemantapan sesebuah universiti. Inilah tugas kita untuk menjayakan misi universiti untuk terus bersaing ke peringkat global.
- Tanggungjawab yang terpikul dibahu semua warga UniMAP adalah untuk menghasilkan keluaran dan perkhidmatan yang berkualiti. Kualiti bererti memenuhi kehendak pelanggan. Kehendak-kehendak pelanggan

merupakan ciri-ciri kualiti yang perlu ditekankan dalam perkhidmatan kita.

- Antara ciri-ciri kualiti yang amat diharapkan oleh orang awam apabila berurusan ialah bersikap sentiasa responsif kepada kehendak mereka; Kecepatan menyempurnakan tindakan, Ketepatan melaksanakan tindakan, Bersopan- santun di dalam memberi perkhidmatan; dan Kebolehpercayaan.
- Baru-baru ini Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Sidek Hassan juga ada mengatakan bahawa penjawat awam perlu memahami dan peka terhadap kehendak dan sebarang aduan serta keluhan setiap pelanggan. Sebagai penjawat awam perubahan minda ke arah pemikiran yang lebih kreatif dan inovatif harus dilaksanakan bagi menghasilkan tahap kecekapan yang lebih tinggi. Setiap penjawat awam mempunyai peranan untuk menyumbang apa yang terbaik kepada kemajuan perkhidmatan awam dan pembangunan negara.

Kakitangan UniMAP yang saya kasihi sekalian,

- Pada Mei lalu UniMAP telah meyertai Pameran Rekacipta Inovasi dan Teknologi Antarabangsa Ke-21 (ITEX` 2010) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

- Pada pameran itu, UniMAP telah meraih kejayaan 100% selepas kesemua 45 produk yang dipertandingkannya memenangi pingat. UniMAP meraih 11 pingat emas, 25 perak dan sembilan gangsa jauh mengatasi Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta lainnya di Malaysia.
- Dan baru-baru ini pula pada penyelidik muda UniMAP yang terdiri daripada para pelajar telah menyertai National Research and Invention Competition (NRIC) 2010 yang berlangsung di Universiti Sains Malaysia (USM) pada 26 hingga 28 Mei.
- UniMAP berjaya meraih tempat pertama dengan pungitan pingat sebanyak 3 emas, 1 perak dan 2 gangsa mengatasi Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) di tempat kedua dengan 2 pingat emas, 1 perak dan 2 gangsa serta tuan rumah, USM pula sekadar berpuas hati di tempat ketiga dengan 1 pingat emas, 5 perak dan 1 gangsa. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua pemenang.
- Sebagai Naib Canselor saya amat berbangga dengan pencapaian yang diraih oleh para penyelidik UniMAP sekaligus membuktikan penyelidik UniMAP mempunyai idea yang kreatif dan mampu menghasilkan produk yang dapat memberikan manfaat kepada masyarakat

keseluruhannya. Selain itu dengan kejayaan yang diraih para penyelidik muda juga membuktikan bahawa UniMAP amat menitikberatkan aspek penyelidikan serta akademik pelajar-pelajar dengan hanya menghantar penyertaan yang benar-benar berkualiti.

Hadirin sekalian,

- Seperti yang telah disiarkan dalam media-media masa beberapa hari ini mengenai Tentera Israel bertindak melampaui batas apabila menyerang sebuah daripada sembilan kapal yang menyertai konvoi bantuan kemanusiaan ke Gaza anjuran kumpulan pro-Palestin dan Pertubuhan Hak Asasi Manusia Turki.
- Serangan di lakukan ke atas kapal Mavi Marmara menyebabkan 19 aktivis dilaporkan terbunuh dan berpuluhan-puluhan yang lain cedera. Turut berada dalam kapal berkenaan ialah 12 rakyat Malaysia termasuk dua krew berita Astro dan mereka kini dilaporkan dalam keadaan selamat. Justeru itu, saya menyeru kepada semua kakitangan UniMAP agar bersama-sama mendoakan kesejahteraan mereka semoga mereka selamat kembali ke tanah air.

- Sebelum saya mengakhiri ucapan saya suka saya ingatkan kepada semua kakitangan saya agar sentiasa meningkatkan usaha dan semangat. sesungguhnya dengan usaha dan semangat yang jitu akan mendorong kita untuk mencapai sasaran dan matlamat yang telah kita tetapkan di awal tahun dahulu.

**Dayung Sampan ke Pulau Toba,  
Mencari Ilmu Serta Teman,  
Usahlah Kita Leka dan Alpa,  
Tingkatkan Usaha Memacu Kejayaan.**

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.